

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah kriteria dan cara pengagihan di bawah Tabung Cerdik seperti berapa banyak komputer riba percuma yang telah Kerajaan agihkan kepada pelajar di Sabah dan berapa ramai pelajar ini dari Sandakan yang sudah menerimanya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif Tabung CERDIK seperti yang diluluskan dalam Belanjawan 2021 adalah satu inisiatif pemberian peranti digital lengkap dengan pelan data kepada 150,000 orang murid B40 yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional. CERDIK merupakan satu inisiatif tanggung jawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) bertujuan menyediakan peranti digital kepada murid B40 yang dikenal pasti.

Yayasan Hasanah menguruskan sumbangan peranti digital dan pelan data daripada GLC dan GLIC serta menyelaraskan penghantaran peranti digital berkenaan ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Peranti digital yang diterima

oleh KPM akan terus diagihkan kepada murid B40 yang telah dikenal pasti.

Peranti CERDIK diagihkan kepada semua murid warganegara Malaysia golongan B40 kohort Tahun Empat (4), Sekolah Rendah dan Tingkatan Tiga (3), Sekolah Menengah di Sekolah Kerajaan (SK) dan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) di bawah Kementerian tahun ini. Pemilihan sekolah adalah berdasarkan peratus murid golongan B40 tertinggi di setiap pejabat pendidikan daerah (PPD) dan negeri. Kementerian mengenal pasti senarai murid golongan B40 berdasarkan data murid di Kementerian dan senarai murid ini akan disahkan semula oleh sekolah sebelum agihan dilaksanakan bagi memastikan tiada keciciran murid layak terjadi.

Sehingga 3 Oktober 2021, sebanyak 131,907 unit peranti digital dilengkapi dengan pelan data telah diserahkan kepada murid B40 di 1,100 buah sekolah seluruh negara. Manakala, 11,830 unit telah diterima daripada Yayasan Hasanah dan akan diagihkan kepada murid dalam masa terdekat. Baki 6,263 unit lagi akan diagihkan sebaik sahaja diterima daripada Yayasan Hasanah.

Daripada jumlah tersebut, 20,916 peranti digital sudah diterima oleh murid-murid B40 dari 157 sekolah di Sabah. Bagi daerah Sandakan, sebanyak 213 unit peranti digital telah selesai diagihkan kepada murid B40 di Sekolah Menengah Kebangsaan St. Mary, Sandakan.